

11 APR 1996

Bosnia-Perniagaan

PELUANG UNTUK PENIAGA MALAYSIA DI BOSNIA

PETALING JAYA, 11 April (Bernama) -- Ahli perniagaan Malaysia dipelawa mengambil peluang pelaburan di Bosnia-Herzegovina yang sedang dalam proses pembangunan semula daripada kehancuran akibat peperangan.

Menteri Perdagangan Luar dan Perhubungan Antarabangsa Bosnia, Neven Tomic berkata hari ini negaranya sedang melalui proses perdamaian dan pembangunan semula dan ini baik untuk pelaburan di samping tenaga buruh yang murah.

"Keselamatan dan pulangan pelaburan juga terjamin," kata beliau kepada pemberita selepas menghadiri taklimat di Majlis Perbandaran Petaling Jaya (MPPJ) di sini.

"Kami sedar pentingnya kestabilan politik untuk menjamin pembangunan ekonomi. Kami sekarang berada dalam tempoh peralihan dan kami harap rakan-rakan seperti Malaysia dapat membantu membangun semula ekonomi kami," kata beliau.

Beliau mempelawa peniaga Malaysia untuk membangunkan semula lima kawasan perdagangan dan perindustrian bebas yang telah hancur akibat peperangan itu.

Tomic berkata beliau dan rombongannya berada di negara ini untuk mendapatkan rakan Malaysia terutama dalam bidang perniagaan dan pelaburan.

Katanya, lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Bosnia-Herzegovina mulai Rabu depan sudah tentu akan membuka laluan kepada peluang perniagaan melalui usahasama atau pelaburan secara langsung.

Menurut beliau lebih kurang 1,400 projek perniagaan yang rosak semasa peperangan itu perlu dibina semula.

Tomic berkata pembangunan semula ekonomi Bosnia-Herzegovina perlu diselaraskan dengan pembangunan negara itu keseluruhannya.

"Kami berharap kepada penswastaan dan pasaran ekonomi bebas," kata beliau.

-- BERNAMA

ARA WAT NMO